

07 JAN 1999

Mahathir-Kelantan

DR MAHATHIR LAWAT KELANTAN PADA KHAMIS DEPAN

TUMPAT, 7 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melawat Kelantan pada 14 Jan bertujuan antara lain mengetahui keadaan semasa banjir melanda negeri ini baru-baru ini.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa berkata Perdana Menteri akan diberi taklimat mengenai banjir itu oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Wan Hashim Wan Daud di Bilik Gerakan Kota Darul Naim di sini.

Taklimat itu akan diberikan sejurus selepas Dr Mahathir tiba bersama-sama isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Pengkalan Chepa pada pukul 12.45 tengah hari.

"Perdana Menteri juga ingin tahu apakah keperluan, langkah-langkah dan rancangan untuk mengelak kesan buruk jika banjir datang lagi," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan kepada 300 mangsa banjir di jajahan Tumpat di sini hari ini.

Sehubungan itu, Annuar meminta jabatan dan agensi kerajaan termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Jabatan Pendidikan Negeri menyediakan segera laporan mengenai banjir termasuk peruntukan yang diperlukan dan pelaksanaan kerja baik pulih yang dijalankan untuk dimuatkan dalam taklimat itu.

Katanya, kerja baik pulih akibat banjir itu ialah kerosakan teruk di beberapa jalan kampung dan pembinaan benteng berhampiran Sekolah Kebangsaan Pulau Beluru yang teruk dilanda hakisan akibat banjir.

"Sekolah, bangunan kerajaan dan rumah kediaman turut terancam akibat banjir. Kalau banjir landa lagi sudah tentu bangunan-bangunan berkenaan akan roboh," katanya.

Annuar berkata, selepas taklimat banjir itu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan akan mempengerusikan mesyuarat badan perhubungan itu di Rumah Seri Kelantan.

Kemudiannya, di tempat yang sama Perdana Menteri akan mengadakan perjumpaan tertutup dengan wakil-wakil rakyat Barisan Nasional Kelantan yang terdiri daripada anggota Dewan Undangan Negeri, Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Sementara itu, Dr Siti Hasmah akan melawat pesakit di Hospital Kota Baharu.

Pada pukul 5 petang, Dr Mahathir akan menyampaikan bantuan kepada fakir miskin di Masjid Kampung Sireh di sini.

Dr Mahathir dan isteri kemudian akan ke Sekolah Menengah Sains Machang, 38 km dari sini, untuk majlis berbuka puasa bersama rakyat.

Beliau akan berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas solat Maghrib.

-- BERNAMA

BD NMO